

1) SKIM SMART SEWA

Adun : Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Sejak skim ini dimulakan, berapakah individu yang telah manfaat daripada program ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, program ini dilaksanakan sebagai inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu golongan berpendapatan sederhana dan rendah memperoleh kediaman selesa sementara mereka bersedia untuk memiliki rumah sendiri. Sejak pelaksanaan Skim Smart Sewa pada tahun 2016 sehingga Oktober 2025, seramai 1,361 orang peserta telah mendapat manfaat melalui program ini dengan menikmati peluang menyewa rumah pada kadar berpatutan.. Selain itu, penyewa yang layak menerima pemulangan 30% deposit sewaan selepas tamat tempoh penyewaan mereka, selaras dengan syarat dan terma skim ini. Pemulangan tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan kebajikan penyewa terus terpelihara serta memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap pelaksanaan Skim Smart Sewa sebagai salah satu inisiatif perumahan mampu milik di negeri ini.

- b) Berapa individu yang telah siap kontrak 5 tahun dan adakah mereka telah pindah keluar atau sambung menyewa?**

Secara keseluruhan, seramai 239 orang peserta Skim Smart Sewa telah mencapai tempoh maksimum kontrak sewaan selama lima (5) tahun. Daripada jumlah tersebut, 68 orang peserta telah menamatkan penyewaan dan berpindah keluar atas pelbagai faktor, antaranya kerana telah membeli rumah sendiri, berpindah ke lokasi tempat kerja baharu, tamat tempoh maksimum penyewaan, serta lain-lain sebab peribadi yang berkaitan.

Sementara itu, baki seramai 171 orang peserta telah menyambung tempoh penyewaan tambahan sebagaimana yang dibenarkan di bawah syarat skim ini, iaitu lanjutan maksimum selama dua (2) tahun, melibatkan tahun keenam dan ketujuh penyewaan. Langkah lanjutan ini bertujuan memberi peluang kepada penyewa yang masih belum memiliki kediaman sendiri untuk terus menikmati manfaat Skim Smart Sewa, di samping memastikan kesinambungan tempat tinggal yang stabil, mampu milik dan selamat bagi golongan sasaran di Negeri Selangor.